

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian memenuhi aspirasi RMK-12 dalam penyediaan akses digital yang bermutu tinggi dan merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar, terutama di kawasan pedalaman Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil beberapa inisiatif dalam menghasilkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebuah rancangan yang dapat menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Antara usaha dan inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital di Sabah melalui JENDELA di bawah Fasa 1 setakat 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Pelaksanaan	Siap
Sabah	538	52	3,500	2,337	251,165	109,408	138	-

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sabah telah meningkat kepada 83.90% pada suku ketiga 2021 berbanding 73.41% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku ketiga 2020. Usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaik taraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan rakyat sentiasa diutamakan.

Pihak SKMM akan berusaha untuk mempercepatkan pembinaan menara namun ia juga bergantung kepada kelulusan yang dikeluarkan pihak-pihak tertentu seperti Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kesemua inisiatif ini memerlukan kerjasama

serta komitmen Kerajaan Negeri dan semua pihak adalah penting bagi memastikan kesemua cadangan dasar yang telah diluluskan di peringkat pusat, dapat diaplikasikan di peringkat negeri. MCMC akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan agensi yang berkaitan dalam mengenal pasti keperluan dan menyelaraskan inisiatif jalur lebar di negeri Sabah bagi memastikan Aspirasi Nasional dapat dicapai.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit, Pihak Kerajaan akan turut melaksanakan Penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya. Pelaksanaan PoP bagi Fasa 1 akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah manakala bagi Fasa 2 pula akan melibatkan 3693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Sekurang - kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap menjelang akhir RMK-12 Tahun 2025. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan jumlah PoP di kawasan luar bandar di negeri Sabah adalah sebanyak 695.